

03 AUG 2001

Mahathir-Meritokrasi

MERITOKRASI DILAKSANA SECARA MEMBINA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan memperkenalkan meritokrasi dengan cara yang membina untuk menyedarkan orang Melayu agar mengambil berat terhadap pendidikan mereka bagi kebaikan mereka sendiri.

Perdana Menteri berkata meritokrasi tidak bermakna yang kerajaan akan merosakkan segala-galanya.

"Kita akan ikut meritokrasi, tetapi kita kena halusi apa yang akan kita lakukan, kita tidak akan merosakkan segalanya, kita akan lakukan dengan cara yang amat membina.

"Tetapi setakat ini, saya belum dapat menghuraikannya lagi kerana saya akan memberi penerangan kepada anggota Umno tidak lama lagi, saya akan jelaskan kepada mereka apa yang kita cadang hendak lakukan untuk menyedarkan ibu bapa dan masyarakat Melayu supaya mereka memberi perhatian bersungguh-sungguh kepada pendidikan untuk kebaikan diri mereka," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan anugerah perkhidmatan cemerlang kepada kakitangan Kementerian Kewangan.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan telah diminta menjelaskan pendirian kerajaan tentang meritokrasi yang dicadang akan dilaksanakan bagi kemasukan pelajar Bumiputera ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Perdana Menteri berkata kerajaan akan meneruskan meritokrasi atas rasa tanggungjawab terhadap rakyat khususnya orang Melayu walaupun pembangkang terutamanya Pas akan menjadikannya sebagai isu politik.

Katanya, Pas akan menjadikan apa sahaja sebagai isu politiknya sedangkan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan adalah untuk mengatasi masalah dan membetulkan orang Melayu.

Sebagai contoh, katanya, keruntuhan akhlak di kalangan orang Melayu begitu ketara sekarang dan mereka terbabit dalam pelbagai jenis jenayah.

"Kalau kita cakap tentang dadah, majoriti Melayu, HIV-Aids majoriti Melayu, rogol majoriti Melayu, bunuhpun majoriti Melayu, macam-macam semuanya Melayu, tak pergi sekolah majoriti Melayu, semuanya," kata beliau.

Dr Mahathir berkata apabila negara mencapai kemerdekaan, orang Melayu begitu serius hendak belajar untuk memperbaiki diri mereka tetapi sekarang kerana terlalu banyak politik dan hasutan daripada Pas mereka tak boleh belajar, dan apabila kerajaan nak memperbaiki mereka, Pas akan jadikannya sebagai isu.

"Saya tahu penuntut di universiti berkata kami kempen untuk Pas... kerana kita larang dia supaya dia tumpu kepada pelajaran... dia nak kempen untuk Pas, itulah selalunya ugutan, kita nak buat benda yang baik pun akan dijadikan isu oleh pihak Pas," katanya.

-- BERNAMA

AFY ZS NMO